

U GB 19-02 00183 BA999

Bah

Mahathir - Perwaja

KEMAMAN, 19 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kejayaan kilang besi waja Perwaja Steel Sdn Bhd telah menghapuskan andaian bahawa orang Melayu tidak boleh berjaya dalam industri berteknologi tinggi.

+Orang Melayu merupakan 90 peratus daripada pekerja Perwaja dan saya rasa pekerja kaum lain tidak akan tersinggung kalau dikatakan kejayaan Perwaja juga merupakan kejayaan orang Melayu dalam industri moden,+ kata Perdana Menteri.

Ketika berucap kepada para pekerja Perwaja sempena lawatan rasmi beliau ke kilang Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) itu hari ini, beliau berkata, orang Melayu sebenarnya mampu bersaing untuk memajukan diri setanding dengan kaum-kaum lain dan pilihan mencapai impian itu terletak pada diri sendiri.

Beliau berkata, tidak ada perbezaan antara kaum yang berlainan di negara ini dalam mencapai kejayaan kerana kunci kejayaan itu terletak pada keazaman seseorang untuk memperbaiki diri mereka sendiri.

Perdana Menteri meminta orang Melayu menghapuskan perasaan dalam diri mereka bahawa mereka tidak boleh berjaya dalam bidang perniagaan berbanding dengan kaum lain hingga menimbulkan marah dan mula menyalahkan orang lain.

+ Lagi.

♥19/02/15-29MST

U GB 19-02 00178 BA002

Bah

Mahathir - Perwaja 2 Kemaman

+Kalau kita menyalahkan orang lain, adakah mereka akan membetulkan diri kita supaya berjaya. Kita tidak boleh menyuruh mereka mengurangkan kejayaan mereka supaya kita berjaya - itu mustahil,+ tegas beliau.

Beliau berkata, kejayaan Perwaja setelah penyusunan semula pentadbiran dengan meletakkan Tan Sri Eric Chia sebagai Pengarah Urusan, turut membuktikan orang Melayu berpotensi maju seperti kaum-kaum lain jika mereka sanggup melepaskan diri daripada belenggu perasaan bahawa mereka tidak boleh berjaya.

Perdana Menteri juga memuji semangat setiakawan antara kaum di kilang Perwaja dengan berkata: +Inilah kali pertama pekerja kilang yang majoritinya Melayu berusaha mahu mengekalkan pengurusan bukan-Melayu.

Sambil berseloroh beliau berkata: +Saya yang gantikan pengurusan Perwaja daripada orang Melayu kepada bukan-Melayu dan ingatkan meletup, tetapi Alhamdulillah ia berjaya+.

Datuk Seri Dr Mahathir turut meminta orang Melayu menanamkan rasa malu dalam diri mereka jika mereka gagal melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada mereka seperti sikap orang Jepun kerana bagi beliau, seseorang yang hendak berjaya mesti menganggap kegagalan sebagai sesuatu yang amat memalukan. -- Lagi.

♥10/02/16-16MST

